

NO. SOALAN: 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA
BINTI KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH : 21 MEI 2015

RUJUKAN : 8059

SOALAN:

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah dengan menyiarkan berita-berita sensasi yang mengaibkan (lucah), seringkali yang menjadi contoh adalah akhbar Harian Metro, dapat mendidik masyarakat kepada arah yang lebih maju.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa mengamalkan dasar terbuka terhadap penerbit akhbar, buku dan majalah dengan memberi ruang kepada penerbitan tempatan agar cenderung ke arah penulisan serta pemberitaan bercorak positif, berpengetahuan dan membina minda masyarakat sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi dan struktur masyarakat Malaysia yang majmuk.

Pada masa yang sama, Kementerian sentiasa memantau dan memastikan bahan-bahan penerbitan yang diterbitkan termasuk akhbar tidak menyiarkan artikel atau laporan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara.

Sekiranya mana-mana media cetak, termasuk akhbar menyiarkan bahan-bahan yang mengandungi apa-apa jua bentuk isi kandungan yang tidak mematuhi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 2012), Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian, termasuk berita-berita sensasi yang mengaibkan (lucah) sehingga boleh menjejaskan kemoralan dan memudaratkan ketenteraman awam,

Kementerian akan mengambil tindakan seperti mana yang digariskan mengikut peruntukan Akta tersebut.

Merujuk kepada akhbar Harian Metro, Kementerian mengakui selalu juga tajuk-tajuk dan berita yang dipaparkan agak sensasi, tetapi kandungan yang disiarkan oleh akhbar tersebut tidaklah terlalu serius sehingga boleh menyebabkan Kementerian ini mengambil tindakan tegas seperti menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

Namun demikian, pada tahun 2014 sehingga kini, Kementerian telah mengambil tindakan dengan memberi 4 kali surat teguran, 1 surat amaran dan sekali nasihat melalui perjumpaan dengan akhbar tersebut tetapi atas beberapa kesalahan yang berbeza.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai makluman, pemeriksaan dan pemantauan terhadap isi kandungan akhbar tempatan dilakukan pada setiap hari. Kementerian akan mengambil tindakan memberi nasihat, teguran, dan amaran kepada penerbit jika berlaku kesalahan. Jika kesalahan yang sama masih berulang dan ianya adalah serius, Kementerian akan mengeluarkan surat tunjuk sebab dan disusuli tindakan menggantung atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan.

Selain langkah penguatkuasaan tersebut, Kementerian turut menganjurkan program-program kesedaran melalui lawatan, perbincangan dan dialog dengan pihak pengamal media dan syarikat percetakan mengenai tanggungjawab dan peranan media agar sentiasa mengamalkan sikap bertanggungjawab, berpengetahuan dan menerbitkan artikel atau laporan yang membina minda masyarakat.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ABDUL GHAPUR BIN HAJI
SALLEH (KALABAKAN)**

TARIKH : 21 .05. 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 80

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan pembinaan dan operasi Maktab Rendah Sains MARA di Kalabakan yang merupakan projek janji pilihan raya yang baru lalu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, pada masa sekarang terdapat tiga (3) buah MRSM yang sedang beroperasi di Sabah iaitu MRSM Kota Kinabalu, MRSM Tun Mustapha, Tawau dan MRSM Sandakan serta sebuah MRSM yang sedang dalam pembinaan iaitu MRSM Semporna dengan kapasiti pelajar keseluruhan seramai 3,000 orang.

MARA akan mengkaji keperluan cadangan untuk membina MRSM di kawasan Parlimen Kalabakan dan akan mengemukakan cadangan ini kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.